


MAKLUMAT PESAKIT

Ubat Untuk Merawat

Penyakit Jantung

*Agen Anti-anginal
Trimetazidine*



Medicine To Treat: **Cardiac Diseases**

Anti-anginal Agents

BERKENAAN UBAT ANDA

Doktor anda baru saja mengarahkan anda mengambil ubat Trimetazidine. Jenama yang terdapat di pasaran ialah Vastarel®.

APAKAH KEGUNAAN TRIMETAZIDINE?

Trimetazidine digunakan untuk merawat penyakit angina untuk masa jangka panjang. Angina ialah kesakitan yang timbul dari otot jantung apabila ianya kekurangan oksigen. Anda mungkin merasa sakit perut kerana masalah penghadaman, rasa kekenyangan, tekanan yang menekan, sakit dada yang menekan dan merebak ke tangan atau leher. Trimetazidine meningkatkan keupayaan karonari jantung anda, menghindarkan kenaikan tekanan darah tinggi secara mendadak dan mengurangkan kejadian serangan angina.

BAGAIMANAKAH SEHARUSNYA SAYA MENGAMBIL UBAT INI?

Ubat trimetazidine ini adalah dalam bentuk pil. Ia seharusnya ditelan dengan air. Ikutilah arahan yang terdapat di label prescripsi. Selalu ambil ubat ini dengan makanan.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak

APAKAH YANG HARUS SAYA LAKUKAN SEKIRANYA SAYA TERTINGGAL SATU DOS?

Pastikan anda tidak tertinggal sebarang dos. Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambil secepat mungkin apabila anda teringat. Ambil dos yang selebihannya untuk hari itu pada selang waktu yang sekata. Jangan ambil dos yang berganda hanya kerana tertinggal satu dos.

APAKAH KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN UBAT INI?

Masalah sistem penghadaman jarang berlaku dan jika ia terjadi ianya agak ringan.

APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS SAYA IKUTI?

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda sekiranya anda:

- Mempunyai alahan kepada trimetazidine atau ubat yang lain.
- Hamil atau sedang menyusukan bayi.
- Mengambil ubat jenis penghalang monoamine-oxidase (MAOI) misalnya, moclobemide (Aurorix®).

BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT INI?

Simpan ubat ini di bekas asalnya dan ditutup dengan ketat. Simpan di tempat yang sejuk dan kering. Hubungilah ahli farmasi anda tentang cara yang betul untuk membuang ubat anda.

Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi



Printed in 2002